

SINAR HARIAN
17/8/2016

Usaha lahirkan guru mampu kuasai al-Quran



Ahmad Zubaidi (kiri) dan Mohammad (kanan) bertukar salinan MoU.

GONG BADAK - Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Yayasan Terengganu (YT) akan bekerjasama mengadakan Kursus Tahsin Quran dan Perguruan kepada guru-guru Tasmī' Imtiaz di seluruh negeri ini.

Naib Canselor UniSZA, Prof Datuk Dr Ahmad Zubaidi A Latif berkata, buat permulaan program berkenaan akan disertai kira-kira 200 peserta yang mengambil masa selama dua tahun untuk menamatkan kursus masing-masing.

"Bagi program ini, sebanyak kali pertemu-

an akan dilaksanakan sepanjang tempoh dua tahun kursus berlangsung. Program ini juga akan dilaksanakan di UniSZA dan akan dikendalikan/pensyarah-pensyarah Pusat Pengajian al-Quran dan al-Sunnah dan Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah dan Peradaban Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam UniSZA.

"Tujuan kita adalah untuk melahirkan guru Tasmī' yang mampu menguasai al-Quran dengan sempurna bermula daripada peringkat awal ilmu tajwid," katanya

kepada pemberita sebaik selesai Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan YT di Dewan Senat UniSZA, Kampus Gong Badak, di sini.

Hadir sama Pengarah YT, Mohammad Sulong serta pegawai kanan UniSZA yang lain.

Tambah beliau, dengan adanya kerjasama sedemikian diharap mampu membantu meningkatkan kecemerlangan pendidikan di negeri ini, selain berupaya melahirkan guru berdedikasi dan berketerampilan.